



KENYATAAN MEDIA YAYASAN MyAQSA (BERKENAAN KEHADIRAN WAKIL RASMI NEGARA HARAM ISRAEL KE MALAYSIA)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. MyAQSA dengan tegas membantah kemasukan Diplomat Israel ke Malaysia semasa menghadiri World Urban Forum (WUF) di Kuala Lumpur baru-baru ini. Kemasukan Diplomat Israel yang diketuai bekas Timbalan Duta Israel ke PBB David Roet, sebagai wakil rasmi kerajaan haram Israel adalah satu yang amat bertentangan dengan pendirian negara selama ini yang bertegas untuk tidak mengiktiraf dan tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan Israel.
2. Walaupun kemasukan mana-mana warga negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dibenarkan atas maksud ilmiah atau sukan, namun MyAQSA melihat kehadiran wakil rasmi Israel ini bukanlah suatu keperluan yang penting dan mendesak sehingga perlu diberikan kekecualian tersebut. Forum ini tidak akan terjejas jika tidak dihadiri oleh wakil dari Israel ini.
3. Apalah maknanya kehadiran wakil Israel di World Urban Forum ini, sedangkan kerajaan haram Israel inilah yang dengan rakus memusnahkan bandar-bandar di Palestin. Bahkan, rejim zalim yang diwakili inilah yang sentiasa membawa ketidakstabilan kepada bandar Baitulmaqdis yang berada di dalamnya Masjid Al-Aqsa, masjid ketiga tersuci umat Islam.
4. Bersama bantahan ini, MyAQSA meminta agar pihak berkuasa mengakui kekhilafan ini serta mestilah beriltizam untuk tidak membiarkan perkara ini berlaku lagi pada masa akan datang. Beristiqamahlah dengan pendirian emas yang selama ini dipegang teguh oleh Malaysia terhadap kerajaan haram Israel ini.
5. Kebersamaan dalam isu ini adalah suatu yang wajib dalam rangka kita melaksanakan **RESOLUSI PERSIDANGAN ULAMAK DUNIA MyAQSA** yang telah disepakati di Putrajaya baru-baru ini, yang menyatakan dengan tegas bahawa **UMAT ISLAM TIDAK AKAN SEKALIKALI MENGIKTIRAF NEGARA HARAM ISRAEL.**

DR. HJ. NOORAZMAN BIN MOHD SAMSUDDIN

Ketua Pegawai Eksekutif

15.2.2018

Laman Sesawang : www.myaqsa.my

Facebook : MyAQSAFoundation

Twitter : @MyAQSA_Official